

Newspaper	Berita Harian
Date	28 June 2015

Operasi restoran 24 jam kekal: PM

BH - 28/6/2015

» Sekat waktu
berniaga timbul
kesulitan orang
ramai, sekat
rezeki pengusaha

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Operasi restoran dan tempat makan 24 jam akan dikekalkan seperti biasa dan tiada perubahan terhadap waktu operasinya seperti yang pernah dicadangkan sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan tidak akan mengubah peraturan sedia ada berhubung pembukaan restoran dan tempat makan 24 jam.

"Kita akan kekalkan pembukaan restoran 24 jam ini seperti sedia kala.

"Jadi tidak timbul kebimbangan untuk kita menyekat waktu mereka (pengusaha) membuka kepada orang ramai," katanya pada majlis sumbangan bubur lambuk di Masjid Jamek Kampung Baru, di sini semalam. Yang turut hadir, Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani.

Sebelum itu, Najib berkesempatan menunaikan sembahyang Asar berjemaah di masjid berkenaan.

Mengulas lanjut, Najib berkata, keputusan berkenaan dibuat me-



Najib bersama wakil NGO Islam selepas menerima memorandum sokongan padu kepimpinannya daripada 106 NGO Islam seluruh negara pada majlis berbuka puasa di Seri Perdana, Putrajaya, malam tadi. [FOTO BERNAMA/BH]

mandangkan keadaan yang diguna pakai sekarang ini memberi keselesaan dan kemudahan kepada orang ramai.

Di samping itu katanya, mereka yang berniaga turut mendapat rezeki yang sepatutnya diterima dan jika disekat waktu operasi ini akan menimbulkan kesulitan kepada orang ramai.

Cadangan untuk mengurangkan waktu pembukaan restoran 24 jam dibangkitkan di Parlimen oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim baru-baru ini kerana dikatakan mampu mengurangkan masalah sosial.

Mengulas mengenainya, Najib berkata, itu adalah cadangan dan pandangan Shahidan, tetapi kerajaan mengambil keputusan un-

tuk tidak mengubah seperti mana yang diguna pakai sekarang ini.

Pengusaha beri maklum balas
Beliau berkata, ramai pengusaha restoran 24 jam memberi maklum balas mengenai cadangan itu.

"Kerana itu saya membuat keputusan kita mengekalkan peraturan sedia ada bagi membolehkan mereka berniaga kembali seperti biasa," katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata, jemaah berpuas hati dengan pembangunan semula Masjid Jamek Kampung Baru yang menelan perbelanjaan sebanyak lebih RM20 juta hasil sumbangan Yayasan 1MDB.

Katanya, beliau sudah dua kali

bersembahyang di masjid itu dan dapati keadaannya jauh berbeza berbanding sebelum ini, lebih indah, lebih selesa, lebih luas ruangnya dan turut disediakan kemudahan dewan.

Sementara itu, di Putrajaya, Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, berbuka puasa bersama ulama, umara dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam di kediaman rasminya, Seri Perdana di sini, malam tadi.

Selesai berbuka, Perdana Menteri bersama hampir 1,000 tetamu menunaikan solat Maghrib berjemaah dan solat Tarawih diimamkan oleh imam jempunan Masjid Wilayah dari Syria, Sheikh Rami Al-Badawi.

Perdana Menteri dan isteri turut menyampaikan sumbangan

hari raya kepada 110 anak yatim, pelajar tahfiz, warga emas dan ibu tunggal.

Zahirkan sokongan penuh

Pada majlis itu, Najib menerima memorandum daripada 106 NGO Islam dari seluruh negara yang menyatakan sokongan penuh terhadap kepimpinan beliau untuk terus menerajui negara.

Memorandum disampaikan oleh Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Jais Abdul Karim.

Memorandum itu turut menyeru seluruh rakyat agar menghentikan spekulasi dan tohmahan liar terhadap Najib serta tidak mudah percaya fitnah yang disebarkan terutama menerusi media sosial.